

[FOTO MOHD ASRI SAIFUDDIN MAMAT/BH]



Ahmad Fairuz (kanan) dan anggota Unit Pengurusan Bencana Selangor melakukan pemantauan di bilik gerakan di Shah Alam, semalam.

Beberapa negeri siap sedia hadapi banjir

➔ Agensi berkaitan digerakkan hadapi sebarang kemungkinan peningkatan paras air susulan hujan lebat

Oleh Rafidah Mat Ruzki, Badrul Kamal Zakaria, Faris Fuad, Safuri Kamarudin, Nor Farhani Che Ad dan Asrol Awang
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Beberapa negeri kini bersiap sedia menghadapi risiko banjir berikutan amaran hujan lebat dan air sungai melimpah di beberapa negeri di Pantai Barat dan Pantai Timur Semenanjung yang dikeluarkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Ia berikutan perubahan monsun menyebabkan beberapa kawasan dijangka menerima taburan hujan yang tinggi.

Dengan kadar antara 39 hingga 51 milimeter, ia mampu menyebabkan peningkatan air sungai yang boleh

mencapai pada tahap bahaya.

Di Shah Alam, Unit Pengurusan Bencana Selangor bersiap sedia menghadapi kemungkinan itu. Menurut Ketuanya, Ahmad Fairuz Mohd Yusuf, kawasan berisiko tinggi dilanda banjir di sembilan daerah sudah dikenal pasti.

Beliau berkata, semua pihak berkuasa seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat serta polis sudah dimaklumkan untuk bersiap sedia menghadapi kemungkinan bencana itu.

"Bilik Gerakan Bencana Selangor berhubung dengan semua bilik gerakan di sembilan daerah dan 12 pihak berkuasa tempatan dengan menggunakan e-mel, faks dan talian telefon.

Beroperasi 24 jam

"Kita akan sampaikan maklumat kepada Pusat Gerakan Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Pusat Kawalan Polis, sama ada di daerah mahupun peringkat negeri untuk menggerakkan anggota dan aset.

"Buat masa ini Bilik Gerakan Bencana Selangor beroperasi 24 jam manakala pada peringkat daerah kita nasihatkan beroperasi sehingga jam 12 tengah malam, namun jika berlaku banjir, hujan lebat, cuaca buruk dan ada amaran, kita minta ia beroperasi sama seperti pada peringkat negeri," katanya kepada BH, semalam.

Di Johor Bahru, semua Pegawai Daerah yang juga Pengerusi Jawatankuasa Bencana Daerah, sudah diarah bersiap sedia meng-

hadapi kemungkinan peningkatan paras air sungai susulan jangkakan hujan lebat di beberapa kawasan sehingga hujung tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar, Datuk Ayub Rahmat, berkata pihaknya sudah bersiap sedia dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) yang menjadi agensi bertanggungjawab berkaitan pengurusan bencana juga sudah bersedia menghadapi sebarang kemungkinan.

"Kita sudah bersedia, pegawai daerah sudah diminta membuat persiapan sewajarnya dan APM juga sentiasa bersedia," katanya.

Pegawai Daerah Muar, Ramlee A Rahman, pula menasihatkan orang ramai terutama yang tinggal berhampiran Sungai Muar supaya sentiasa peka dengan keadaan paras air sungai dan mematuhi arahan pihak berkuasa.

"Mereka yang tinggal di tepi sungai perlu sentiasa berwaspada manakala Pejabat Daerah Muar bersama agensi kerajaan lain akan sentiasa membuat pemantauan.

"Kita juga sudah meminta supaya JPS dan Majlis Perbandaran Muar (MPM) memeriksa parit dan longkang bagi mengelak banjir kilat susulan hujan lebat," katanya.

Di Baling, banjir yang melanda beberapa kawasan di Kuala Ketil kelmarin menyebabkan penduduk yang tinggal di sekitar Sungai Ketil resah kerana berdepan risiko kejadian sama.

Suri rumah, Siti Fatimah Mohd Sabri, 31, berkata kediamannya di Kampung Tanjung Merbau, dekat



Kejadian tanah runtuh di jalan pintas utama di Felda Penggeli Timur, Kota Tinggi, akibat hujan lebat menimbulkan kesulitan kepada lebih 5,000 penduduk di kawasan sekitar.

[FOTO SAFURI KAMARUDIN/BH]



Siti Fatimah membersihkan rumahnya yang dipenuhi lumpur busuk di Kampung Tanjung Merbau, Baling, semalam.

Kupang sudah tiga kali dilanda banjir tahun ini, dengan kejadian kelmarin paling teruk apabila lumpur busuk melekat pada dinding dan perkakas rumah menyebabkan banyak terpaksa dibuang.

"Apabila berlaku banjir, rumah dipenuhi lumpur bukan saja pada lantai dan dinding, tetapi juga memenuhi tikar dan perabot sehingga ia rosak dan tidak boleh digunakan. Bayangkan setahun tiga kali dilanda banjir dan setiap kali berlaku, kami berdepan situasi sama.

Penduduk tak pernah tenang

"Penduduk tidak pernah tenang jika hujan lebat melanda untuk tempoh lama kerana kami tahu air sungai pasti akan melimpah... air naik dengan cepat dan kami hanya sempat menyelamatkan beberapa barangan sebelum keluar meredah banjir kerana bimbang terperangkap," katanya.

Siti Fatimah adalah antara 50 keluarga di 14 kampung yang terjejas dalam banjir kilat di sekitar daerah ini kelmarin, selain 10 keluarga lagi di Sik.

Nasib sama turut dihadapi 10 keluarga di Kampung Haji Ngah, dekat Bedong, selepas mereka sekali lagi terpaksa menanggung kerugian akibat kerosakan harta benda berikutan banjir kilat yang melanda.

Rata-rata penduduk mengakui paras air meningkat cukup pantas, menyebabkan mereka hanya sempat memindahkan barang bersaiz kecil ke tempat selamat manakala selebihnya terpaksa ditinggalkan.

Seorang penduduk, Zarina Ab-

dul Hamid, 50, berkata banjir kilat kelmarin adalah antara terburuk melanda kampung berkenaan berbanding dua yang direkodkan sebelum ini iaitu masing-masing pada Mei dan bulan lalu.

Paras air masih normal

"Kalau nak dikira, ini kali ketiga kampung kami dilanda banjir, dengan terbaru berlaku pada bulan lalu... sebelum ini air naik hanya paras buku lali, namun kali ini ia melebihi paras lutut menyebabkan banyak peralatan rumah tidak sempat diselamatkan," katanya.

Bagaimanapun di Kuantan, paras air sungai di negeri ini masih normal berikutan tiada taburan hujan luar biasa direkodkan setakat petang semalam.

Laman web JPS mencatatkan bacaan sebelah pagi menunjukkan paras air Sungai Pahang, Sungai Jelai, Sungai Tembeling, Sungai Kuantan dan Sungai Lembing masih berada pada paras normal.

Namun, orang ramai yang tinggal berhampiran sungai utama dinasihatkan bersiap siaga berikutan keadaan cuaca tidak menentu.

Berdasarkan paras air sungai setakat jam 2 petang semalam, keadaan sama turut dicatatkan di Sungai Jelai di Kuala Medang, Lipis; Sungai Lipis di Batu Malim; Sungai Triang di Bera; Sungai Pahang di Chenor, Maran; Sungai Kuantan di Bukit Kenau; Sungai Kuantan di Pasir Kemudi; Kuantan Bypass; Sungai Pahang di Temerloh dan Sungai Tembeling di Kuala Tahan, Jerantut.